

IPJ NO: 0300/2015  
 IPJ/SPRM/KS: 178/8/2015  
ULASAN KES DAN CADANGAN PEGAWAI PENYIASAT

<b>SASPEK :</b> MOHD NAJIB BIN ABDUL RAZAK (530723-06-5165) (B1) PERDANA MENTERI MALAYSIA	
<b>SEKSYEN :</b> Seksyen 16 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009	
<p><b>TOHMAHAN :</b> Maklumat diterima mengatakan bahawa dalam tahun 2013, Perdana Menteri, Y.A.B Dato' Seri Mohd Najib bin Abdul Razak melalui akaun beliau di Amprivate Banking, Ambank Berhad bernombor 2112022009694 telah menerima wang berjumlah lebih kurang USD 681 juta daripada Tanore Finance Corporation melalui Falcon Private Bank, Singapura yang mana disyaki wang rasuah yang digunakan oleh Y.A.B Dato' Seri Mohd Najib bin Abdul Razak untuk memberi undi semasa penyediaan menghadapi pilihanraya umum 2013.</p>	
<b>1. FAKTA KES</b>	<b>KETERANGAN</b>
<p><b>LATAR BELAKANG KES</b></p> <p>Pada 02 Julai 2015, akhbar antarabangsa The Wall Street Journal telah menyiaran <i>money trail</i> pemindahan wang ke akaun peribadi milik B1 dan dokumen-dokumen yang menjadi bukti bagaimana sejumlah USD700juta dipindahkan. Dokumen-dokumen disiarkan termasuklah slip pemindahan wang Falcon Private Bank Singapore ke akaun peribadi B1 dan slip-slip pemindahan wang dari SRC International ke akaun-akaun lain sebelum dipindahkan ke akaun peribadi B1.</p> <p>Berdasarkan tohmahan dan beberapa surat-surat layang yang diterima daripada masyarakat, mengatakan bahawa wang yang masuk berjumlah RM2.6billion ke akaun peribadi B1 adalah daripada wang 1MDB.</p> <p>Penyiasatan dijalankan berkaitan penerimaan wang oleh (B1) bermula pada tahun 2011 hingga 2013 melalui akaun beliau di Amprivate Banking, Ambank Berhad Akaun no: 2112022009694. RM2.6billion adalah merujuk kepada kemasukan wang daripada Blackstone Asia Real Estate Partners dan Tanore Finance Corporation yang dipindahkan ke akaun milik B1 bagi tahun 2012 dan 2013 berjumlah RM 2,604,866,705.96.</p> <p><b>PEMBUKAAN AKAUN 2112022009694</b></p> <p>Akaun ini telah dibuka pada 13.1.2011 di Amislamic Bank Berhad, Ground Floor, Bangunan Ambank Group, 55 Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur dengan deposit RM500 di Ambank Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur.</p> <p>Cheah Tek Kuang (A12) pada ketika itu sebagai Managing Director, Ambank mengesahkan bahawa telah dimaklumkan oleh Joanna Yu Ging Ping (A4), Relationship Manager, Ambank berkaitan dengan permohonan B1 untuk membuka akaun semasa di Ambank. Selepas perbincangan dengan Tan Sri Azman (-), Penggerusi Ambank dan diarahkan untuk berurusan terus dengan B1. A4</p>	<i>Lampiran A</i>  <i>Maklumat berkaitan Kes RM2.6B</i>

menyatakan bahawa Nik Faisal Ariff Kamil (A1) yang menyatakan hasrat B1 untuk membuka akaun semasa di Ambank.	A7 - m/s 2 b.14 – b.25 A8 – m/s 3. b.17 – b.32 m/s 4, b.1 – b.16 D1 – Borng buka Akaun D2 – Slip dep RM500.00
A12 telah berjumpa terus dengan B1 melalui Dato Azlin (-) di kediaman B1 di Kenny Hill, Bukit Tunku. A12 sahkan B1 serahkan borang permohonan, buku simpanan, buku cek dan juga borang permohonan kad kredit. A12 sahkan B1 telah menandatangani borang permohonan tersebut. Dalam perjumpaan A12 mengesahkan bahawa B1 ada menyatakan kepada beliau tujuan akaun ini dibuka kerana akan ada kemasukan wang daripada Arab Saudi melibatkan jumlah yang besar dalam matawang USD berjumlah USD 100,000,000.00 iaitu sumbangan daripada kerajaan Arab Saudi untuk "Islamic Activity" kepada B1.	A12 – m/s 3, b.20 – b.34 m/s 4, b.1 – b.15
Akaun ini telah diberi nama AmPrivate Banking – MR memandangkan akaun ini adalah sensitif dan bagi tujuan mengelakkan kebocoran maklumat yang dipersetujui oleh pihak Ambank.	
Joanna Yu Ging Ping (A4) mengesahkan bahawa beliau merupakan Relationship Manager yang menguruskan akaun peribadi B1 kerana beliau juga yang menguruskan akaun 1MDB dan SRC sejak 2010. A4 mengesahkan selain pembukaan akaun ini, terdapat 3 permohonan lain iaitu :	
i. Akaun Simpanan , No Akaun 211-002-009048-1 ii. Akaun Kad Kredit – Visa Platinum, No Akaun 4585818000005496 iii. Akaun Kad Kredit – Mastercard Platinum, No Akaun 5289438000038961	A12 – m/s 5 b.1 – b.33 D6 – Doc enclosed
A4 juga mengesahkan bahawa akaun ini diuruskan oleh Nik Faisal Ariff Kamil (A1) seperti yang diarahkan oleh B1 melalui surat RE: MANDATE BY INDIVIDUAL ACCOUNT WITH ISLAMIC BANK BERHAD bertarikh 10 Mac 2011 (D5) yang ditandatangani oleh B1. Kandungan surat menyatakan perlantikan pihak ketiga iaitu A1 sebagai wakil kepada B1 untuk menguruskan urusan berkaitan akaun ini termasuk perkara berkaitan baki akaun dan bagi membuat pengesahan terhadap cek yang dikeluarkan dengan jumlah bermilai RM250,000,000 ke atas manakala bagi jumlah wang bawah RM250,000,000 tidak perlu rujuk kepada B1 dan A1. Perlantikan A1 bagi uruskan akaun ini adalah berkuatkuasa serta merta dan hanya terbatas apabila pemilik akaun ini menghantar notis pembatalan kepada pihak Amislamic Bank Berhad.	A12 – m/s 5, b.32 – b.33 m/s 6, b.1 – b.7 D10 – Surat Arab bth.1/12/2011
A1 telah mengesahkan bahawa telah menandatangani di ruangan "Authorised Personnel Information" di D5. A1 tahu mengenai akaun ini kerana beliau berurusan dengan bank berkaitan dengan kemasukan wang, pengeluaran wang semula dan juga pengesahan cek. A1 dalam keterangan menyatakan bahawa beliau dimaklumkan oleh Dato Azlin mengenai hal pembukaan akaun yang mana B1 inginkan beliau mengendalikan akaun B1 yang mana A1 juga pernah menjadi Chief Investment Officer di 1MDB dan juga sekarang sebagai Chief Executive Officer di SRC International. A1 sahkan segala urusan akaun adalah melalui Dato Azlin (-).	A12 - m/s 8, b.4 – b.24 D7 – Doc ROMS
Berkaitan urusan akaun ini, A1 berhubung secara terus dengan A4 dan juga Daniel Lee Soon (A5). Corporate & Institutional Banking Am Investment. A1 biasa berurusan dengan A4 dan A5 kerana A4 dan A5 juga yang menguruskan akaun 1MDB dan SRC di Ambank. Berkaitan dengan kad kredit Visa dan Mastercard Platinum B1. A1 juga diberikan mandat untuk menguruskan urusan akaun kredit kad.	A4 - m/s 2, b.1 – b.11
A4 juga mengakui bahawa beliau hanya berurusan dengan A1 sahaja dalam pengurusan akaun termasuk urusan kemasukan, pengeluaran, pemindahan atau apa-pa pengesahan transaksi hanyalah dengan A1 sahaja dan tiada pihak lain. Walaupun keterangan A1 menunjukkan bahawa beliau tidak menguruskan sepenuhnya akaun tersebut sebaliknya adalah Dato Azlin (-) tetapi keterangan A4 menunjukkan A1 yang menguruskan akaun tersebut dan disokong dengan surat mandat kepada A1 untuk uruskan akaun tersebut.	A4 - m/s 4, b.10 – b.29 D5 – Surat mandate bth 10.03.2011

Hasil siasatan dan analisa kewangan ke atas akaun B1 bagi tahun 2011 – 2013, menunjukkan terdapat kemasukan wang daripada:

Penghantar	Jumlah
Prince Faisal Bin Turkey Bin Bandar Al Saud	369,029,514.00
Ministry of Finance Riyadh	243,699,926.32
Blackstone Asia Real Estate Partners	523,389,779.96
Tanore Finance Corp	2,081,476,926.00

Analisa kemasukan kewangan secara terperinci seperti di (**LAMPIRAN 1**). Berkaitan dengan isu melibatkan kemasukan RM2.6billion adalah merujuk kepada kemasukan wang daripada Blackstone Asia Real Estate Partners dan Tanore Finance Corporation. (**LAMPIRAN 4**). A1- m/s 8 b.10 – b.12

#### **KEMASUKAN WANG KE AKAUN B1**

Berkaitan kemasukan wang melibatkan matawang luar negara, A4 akan dimaklumkan ada kemasukan oleh A1. A4 kemudiannya maklumkan kepada Treasury Division iaitu Yap Wai Keat (A6) Head of FX Sales Ambank atau Liza ( - ). Kemudian A6 maklumkan kepada Remittance/Payment Division untuk memantau kemasukan wang tersebut. Selepas wang masuk ke dalam akaun B1, Remittance iaitu Zaid ( - ) akan maklumkan semula kepada Treasury dan seterusnya A6 akan maklumkan kepada A4 tentang kemasukan wang tersebut. A4 akan maklumkan kepada pelanggan mengenai kemasukan dan mendapat pengesahan kadar tukaran matawang sama ada A1 bersetuju atau tidak. Bagi kesemua kemasukan ke akaun B1, kadar matawang untuk tukaran telah disahkan oleh A1. A6 akan uruskan untuk membuat tukaran wang daripada nilai USD ke Ringgit Malaysia (RM) untuk dimasukkan ke akaun B1. Seterusnya remittance mengeluarkan dokumen SWIFT bagi kemasukan wang ke dalam akaun semasa B1. A1- m/s 3, b.15– b.25

#### **KEMASUKAN WANG BAGI TAHUN 2011**

Terdapat kemasukan wang ke dalam akaun B1 pada tahun 2011 iaitu berjumlah USD99,999,976 @ RM304,329,765.75. Berdasarkan dokumen SWIFT Ambank penghantar wang adalah daripada Prince Faisal bin Turkey bin Bandar Al Saud (D11,D12) dan Ministry of Finance Riyadh, Saudi Arabia(D15,D19). Bagi ke empat-empat transaksi kemasukan daripada luar negara, bank pengirim adalah JP Morgan Chase Bank N.A dan Wells Fargo Bank (Formerly Known As Wachovia). A1- m/s 6, b.14– b.24

No	Date	Amount (USD)	Kadar Tukaran	Amount (RM)	Sender	Contract No
1.	24/2/2011	10,000,000.00	3.0450	30,449,929.97	Prince Faisal	AUA4132477
2.	14/6/2011	10,000,000.00	3.0180	30,179,909.46	Prince Faisal	43414
3.	19/8/2011	49,999,988.00	2.975	148,749,964.30	Saudi Arabian Monetary Agency	MX300759
4.	29/11/2011	29,999,988.00	3.165	94,949,962.02	Saudi Arabian Monetary Agency	MX300759
		99,999,976.00		304,329,765.75		

A4 – m/s 2, b.5-b.10  
D5 – Surat mandate bth 10.03.2011

A1 – m/s 4, b.1-b.10

A4 menyatakan bahawa beliau telah dimaklumkan oleh A1 kemasukan wang ke dalam akaun B1 adalah dari pihak luar. A4 ada bertanyakan kepada A1 tujuan kemasukan semua wang tersebut A1 maklumkan kemasukan wang adalah bagi tujuan *donation /personal gift* dan disusuli dengan pengemukaan surat oleh A1 kepada A4 iaitu surat Saud Abdul Azizi Majid Al Saud, No:31/R/PO bertarikh 1 Februari 2011 (D10). Surat dikemukakan kepada A4 selepas A4 meminta dokumen sokongan mengenai kemasukan wang.

Merujuk kepada surat (D10) tersebut, dinyatakan bahawa sejumlah wang USD100,000,000 sebagai "Gift" kepada Dato Sri Mohd Najib Tun Hj Haji Abdul Razak (B1). Tujuan sumbangan ini adalah bagi mengiktiraf kerja Dato Sri sebagai Pemimpin Islam Moden Surat adalah daripada Saud AbdulAziz

Majid Al Saud. Surat ini adalah merujuk kepada kemasukan wang bagi tahun 2011.

Keterangan Prince Saud bin Abdulaziz bin Majid bin Abdulaziz Al Saundi (-) yang diwakilkan kepada Mohammad Abdullah Al Koman (A2) mengesahkan surat (D10) disediakan olehnya kepada B1. A2 sahkan surat ditandatangani oleh beliau bagi pihak Prince Saud dan ke semua wang sumbangan ini adalah untuk B1 bagi tujuan membantu pembangunan Islam. Selain itu, ianya bersandarkan atas hubungan baik yang terbina antara B1 dan King Abdullah (HM).

A2 menyatakan bahawa Prince Turki ada bertanyakan ke mana wang tersebut harus disalurkan dan B1 menyatakan bahawa beliau telah mendapat pandangan dan juga nasihat daripada Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Zeti , yang mana Tan Sri Zeti mencadangkan kemasukan dibuat ke dalam akaun Ambank milik B1. Walaubagaimanapun, A2 nyatakan tidak menjadi isu sekiranya dimasukkan ke akaun B1 kerana sumbangan ini diberikan kepada beliau yang mana B1 yang akan menguruskan dana tersebut berdasarkan pertimbangan B1 dan dirasakan perlu.

#### **KEMASUKAN WANG BAGI TAHUN 2012**

Terdapat kemasukan wang ke dalam akaun B1 pada tahun 2012 iaitu berjumlah RM831,789,454.53. Berdasarkan dokumen SWIFT Ambank penghantar wang adalah daripada Prince Faisal bin Turkey bin Bandar Al Saud berjumlah USD99,999,931 (RM308,399,674.57) sebanyak 3 kali transaksi dan dari Blackstone Asia Real Estate Partner USD169,999,928 (RM523,389,779.96) sebanyak 6 kali transaksi. Bagi 9 transaksi kemasukan daripada luar negara, bank pengirim adalah Wells Fargo Bank (Formerly Known As Wachovia).

A6 – m/s 2,b.23 – b.33  
A6 – m/s 3,b.1 – b.16

No	Date	Amount (USD)	Kadar Tukaran	Amount (RM)	Sender	Contract No
1	3/1/2012	69,999,988.00	3.1270	218,889,962.48	Blackstone Asia Real Estate Partner	MX730470
2	13/3/2012	24,999,988.00	3.0050	75,124,963.94	Blackstone Asia Real Estate Partner	MX949228
3.	25/4/2012	49,999,977.00		151,899,893.67	Prince Faisal	
4	23/5/2012	24,999,988.00	3.1150	77,874,962.62	Blackstone Asia Real Estate Partner	MX1197288
5.	26/6/2012	24,999,977.00	3.16	78,999,899.40	Prince Faisal	MX1312607
6.	15/8/2012	24,999,977.00	3.100	77,499,891.50	Prince Faisal	MX1499867
7.	22/10/2012	19,999,988.00		60,599,963.64	Blackstone Asia Real Estate Partner	
8.	31/10/2012	4,999,988.00		15,149,963.64	Blackstone Asia Real Estate Partner	
9.	20/11/2012	24,999,988.00		75,749,963.64	Blackstone Asia Real Estate Partner	
		269,999,859		831,789,464.53		

A11 – m/s 3 – m/s 6  
D11 – SWIFT bth 4/02/2011  
D12 – SWIFT bth 14/06/2011  
D15 – SWIFT bth 19/08/2011  
D19 – SWIFT bth 25/11/2011

Menurut Joanna (A4), beliau dimaklumkan mengenai kemasukan wag bagi tahun 2012 oleh A1. A1 maklumkan bahawa kemasukan wang akan dibuat ke dalam akaun B1 bagi tujuan donation/personal gift disusuli dengan pengemukaan surat oleh A1 kepada A4 iaitu surat Saud Abdul Azizi Majid Al Saud, No:83 bertarikh 1 November 2011 (D18). Surat dikemukakan kepada A4 selepas A4 meminta dokumen sokongan mengenai kemasukan wang.

Merujuk kepada surat (D18) tersebut, dinyatakan bahawa sejumlah wang USD375,000,000.00 sebagai "Gift" kepada Dato Sri Mohd Najib Tun Hj Haji Abdul Razak (B1). Tujuan sumbangan ini adalah bagi mengiktiraf kerja Dato Sri sebagai Pemimpin Islam Moden. Surat adalah daripada Saud AbdulAziz Majid Al Saud. Surat ini adalah merujuk kepada kemasukan wang bagi tahun 2012. Di dalam surat juga dinyatakan bahawa kemasukan wang akan dihantar melalui akaun peribadi ataupun melalui akaun syarikat yang dilantik iaitu (Blackstone Asia Real Estate Partners Limited).

Jumlah wang yang dimasukkan daripada 9 transaksi adalah berjumlah RM831,789,464.53 yang mana tidak mencecah jumlah USD375,000,000 juta seperti dinyatakan di dalam surat (D18). Semakan mendapati masih terdapat kekurangan sebanyak USD105,000,141 daripada jumlah wang dinyatakan dalam surat iaitu USD375,000,000.

Keterangan Prince Saud bin Abdulaziz bin Majid bin Abdulaziz Al Saundi (-) yang diwakilkan kepada Mohammad Abdullah Al Koman (A2) mengesahkan surat (D18) disediakan olehnya kepada B1. A2 sahkan surat ditandatangani oleh beliau bagi pihak Prince Saud dan ke semua wang sumbangan ini adalah untuk B1 bagi tujuan membantu pembangunan Islam. Selain itu, ianya bersandarkan atas hubungan baik yang terbina antara B1 dan King Abdullah (HM). A2 sahkan bagi tahun 2012, 9 transaki bayaran telah dibuat kepada akaun B1.

#### **BLACKSTONE ASIA REAL ESTATE PARTNER**

A2 sahkan syarikat Blackstone Asia Real Estate Partner mempunyai kepentingan (aset, pelaburan dan pengurusan dana) dengan keluarga Diraja Arab Saudi. A2 menyatakan keluarga diraja Arab Saudi telah melantik Tan Kim Loong (A3) sebagai "Trusted Associates" dalam mewakili 3 pihak iaitu King Abdullah, Prince Faisal dan lain-lain ahli keluarga. A3 adalah "nominee" untuk apa-apa urusan seperti pengurusan dana dan aset seperti yang diarahkan oleh keluarga diraja. A3 juga merupakan kenalan lama keluarga diraja Arab Saudi. A3 mengesahkan bahawa beliau telah diarahkan oleh keluarga diraja untuk menubuhkan Blackstone bagi menguruskan pelaburan luar negara dan juga aset. A3 mengesahkan bahawa beliau telah diarahkan oleh keluarga diraja untuk menubuhkan Blackstone bagi menguruskan pelaburan luar negara dan juga aset.

A4 – m/s 7, b.1 – b.9  
D10 – Surat Arab Saudi bth  
1/02/2011

Keterangan dari pihak 1MDB telah mengesahkan bahawa 1MDB tidak pernah mempunyai hubungan pembiagaan ataupun pelaburan dengan Blackstone.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Bank Negara Malaysia (BNM) (D267) menunjukkan Blackstone Asia Real Estate Partners Limited (formerly Foreign Fx trading Limited (co reg:1612448) adalah sebuah syarikat yang didaftarkan di British Virgin Islands (BVI) pada 1/11/2010 dan beneficial owner adalah Tan Kim Loong (A3). Blackstone mempunyai akaun Standard Chartered Bank di Singapura dan authorised signatories adalah Tan Kim Loong (A3) dan Seet Li Lin.

Risikan kewangan BNM menunjukkan banyak kemasukan wang ke akaun Blackstone bermula Julai 2011 hingga akaun ditutup pada 22/2/2013 melibalkan beberapa syarikat seperti Good Star Limited, Alsen Chance Holdings Limited, Abu Dhabi Kuwait Malaysia Investment Corporation, 1Malaysia Development Berhad, Enterprise Emerging Market Funds BV, Globalink Private Aviation Ltd, Cistenique Investment Fund BV dan Brightstone Jewellery Limited. Maklumat ini juga menunjukkan wang di pindahkan ke akaun B1 secara berperingkat daripada Blackstone iaitu:

- i. 29/12/2011 –USD70,000,000.00
- ii. 12/3/2012 –USD25,000,000.00
- iii. 22/5/2012 –USD25,000,000.00
- iv. 19/10/2012 – USD20,000,000.00
- v. 30/10/2012 – USD5,000,000.00
- vi. 19/11/2012 –USD25,000,000.00

A2 – m/s 3, b.14 – b.25

A2 – m/s 2, b.10 – b.24

#### **KEMASUKAN WANG BAGI TAHUN 2013**

Terdapat kemasukan wang ke dalam akaun B1 pada tahun 2013 iaitu berjumlah RM 2,081,476,926.00. Berdasarkan dokumen SWIFT Ambank penghantar wang adalah daripada Tanore Finance Corp sebanyak 8 kali transaksi.

No	Date	Amount (USD)	Amount (RM)	Sender	Contract no
1	22/3/2013	50,000,000	155,000,000	Tanore	MX2320826
2	22/3/2013	50,000,000	155,000,000	Tanore	MX2321508
3.	22/3/2013	50,000,000	155,000,000	Tanore	MX2322928
4.	28/3/2013	75,000,000	231,150,000	Tanore	MX2345822

A2 – m/s 4,b.14- b.24

5.	28/3/2013	44,999,988	138,824,962.98	Tanore	MX2348565	
6.	8/4/2013	50,000,000	152,500,000	Tanore	MX2386812	
7.	9/4/2013	100,000,000	304,000,000	Tanore	MX2394215	
8.	10/4/2013	200,000,000	602,000,000	Tanore	MX2400848	
		619,999,988	1,893,474,962.98			

Kemasukan wang ke dalam akaun B1 bagi tahun 2013 adalah daripada Tanore yang dibuat secara berperingkat-peringkat bermula daripada 22/3/2013 sehingga 10/4/2013. Kemasukan wang ini adalah dibuat melalui dokumen SWIFT Ambank MT103 From PNBPUS3NANCY ON 20130322F60321316322000 1/1 (D46). Kemasukan wang ini dibuat daripada UEBESGSG- Falcon Private Bank LTD Singapore Branch iaitu daripada Tanore. A6 jelaskan bagi kemasukan wang di atas, beliau ada maklumkan kepada A4 untuk membuat pertukaran wang ke dalam akaun AmPrivate milik B1. Pertukaran wang bagi kemasukan USD619,999,988.00 dari Tanore telah dibuat berdasarkan arahan pelanggan melalui A4. Kemasukan wang dari Tanore berjumlah USD619,999,988.00 tidak ditukarkan terus ke ringgit kerana melibatkan jumlah yang besar di mana ia akan memberi kesan kepada nilai matawang di pasaran.

A11 – m/s 5 – m/s 14  
D24 – SWIFT bth.3/1/2012  
D28 – SWIFT bth.12/3/2012  
D31 – SWIFT bth.25/4/2012  
D32 – SWIFT bth.22/05/2012  
D33 – SWIFT bth.26/06/2012  
D34 – SWIFT bth.15/08/2012  
D37 – SWIFT bth.19/10/2012  
D39 – SWIFT bth.30/10/2012  
D41 – SWIFT bth.19/11/2012

Kemasukan wang berjumlah USD60,999,988.61 pada 25/3/2013(D47), menunjukkan kemasukan ini adalah dari Tanore Finance Corp. A1 sahkan beliau telah dimaklumkan oleh A4 mengenai kadar matawang bagi pertukaran wang dari USD ke RM bagi kemasukan ini dan A1 tidak rujuk kepada B1 bagi pengesahan kadar matawang kerana A1 bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh pihak bank.

A4 jelaskan bagi kemasukan wang tahun 2013, beliau sendiri telah dimaklumkan oleh A1 mengenai kemasukan wang dari Tanore dan A1 katakan wang adalah *donation/personal gift* daripada Prince of Saud daripada Arab Saudi sepetimana kemasukan wang dalam akaun B1 pada tahun 2011 dan 2012 disusuli dengan pengemukaan surat oleh A1 kepada A4 iaitu surat Saud Abdul Azizi Majid Al Saud, No:92 bertarikh 1 Mac 2013 (D45). Surat dikemukakan kepada A4 selepas A4 meminta dokumen sokongan mengenai kemasukan wang.

Merujuk kepada surat tersebut, dinyatakan bahawa sejumlah wang USD800,000,000 sebagai "Gift" kepada Dato Sri Mohd Najib Tun Hj Haji Abdul Razak. Tujuan sumbangan ini adalah bagi mengiktiraf kerja Dato Sri sebagai Pemimpin Islam Moden Surat adalah daripada Saud AbdulAziz Al Saud. Di dalam surat juga dinyatakan bahawa kemasukan wang akan dihantar melalui akaun peribadi ataupun melalui akaun syarikat yang dicalonkan iaitu Tanore Finance Corp.

Jumlah wang yang dimasukkan daripada 8 transaksi adalah berjumlah RM1,893,474,962.98 yang mana tidak mencecah jumlah USD800,000,000 seperti dinyatakan di dalam surat (D18). Semakan mendapati masih terdapat kekurangan sebanyak USD119,000,024 daripada jumlah wang dinyatakan dalam surat.

Keterangan Prince Saud bin Abdulaziz bin Majid bin Abdulaziz Al Saundi (-) yang diwakilkan kepada Mohammad Abdullah Al Koman (A2) mengesahkan surat (D45) disediakan olehnya kepada B1. A2 sahkan surat ditandatangani oleh beliau bagi pihak Prince Saud dan ke semua wang sumbangan ini wang sumbangan ini adalah untuk B1 bagi tujuan membantu pembangunan Islam. Selain itu, ianya bersandarkan atas hubungan baik yang terbina antara B1 dan King Abdullah (HM). A2 sahkan bagi tahun 2013, 8 transaksi bayaran telah dibuat kepada akaun B1.

#### **TANORE FINANCE CORPORATION**

A2 sahkan syarikat Tanore mempunyai kepentingan (aset, pelaburan dan pengurusan dana) dengan keluarga Diraja Arab Saudi. A2 menyatakan keluarga diraja Arab Saudi telah melantik A3 sebagai "Trusted Associates" dalam mewakili 3 pihak iaitu King Abdullah, Prince Faisal dan lain-lain ahli keluarga. A3 adalah "nominee" untuk apa-apa urusan seperti pengurusan dana dan aset seperti yang diarahkan oleh keluarga diraja. A3 juga merupakan kenalan lama keluarga diraja Arab Saudi. A3 mengesahkan bahawa beliau telah diarahkan oleh keluarga diraja untuk menubuhkan Tanore bagi menguruskan pelaburan luar negara dan juga aset.

A4 – m/s 8, b.10 – b.20  
D18 – Surat Arab Saudi bth 1/11/2011

Keterangan dari pihak 1MDB telah mengesahkan bahawa 1MDB tidak pernah mempunyai

hubungan pembiagaan ataupun pelaburan dengan Tanore.

Berdasarkan maklumat risikan kewangan Bank Negara Malaysia yang diterima daripada pihak Singapura (D267) menunjukkan Tanore Finance Corp ditubuhkan pada 19/10/2012 dan didaftarkan di British Virgin Islands. A3 adalah *authorised signatory* bagi akaun Tanore iaitu akaun di Falcon Private Bank Limited, Singapore Branch yang mana akaun ini dibuka pada 26/11/2012 dan tutup pada 16/12/2013.

Berdasarkan surat BNM bertarikh 11/6/2015 jelaskan ada pindahan dana ke dalam akaun persendirian bermombor 2112011009694 di Amlslamic Bank dari akaun milik Tanore Finance Corp di Falcon Private Limited Singapore iaitu :

- i. USD619,999,988.00 pada 21/3/2013
- ii. USD60,999,988.00 pada 25/3/2013

Berdasarkan maklumat BNM ini, menunjukan terdapat kemasukan wang ke dalam akaun Falcon Private Bank Limited pada 21/3/2013 berjumlah USD210,000,000 +USD430,000,000= USD640,000,000 dan kemudiannya wang ini berjumlah USD620,000,000 dimasukkan ke akaun AmPrivate -MR milik B1. Selain itu pada 25/3/2013 ada kemasukan berjumlah USD250,000,000 ke akaun Falcon Private Bank Limited, Singapura dan pada tarikh yang sama USD61,000,000 dimasukkan ke akaun AmPrivate -MR milik B1.

Selain itu, maklumat diperolehi oleh BNM berkaitan 1MDB Global Investment Limited (1MDB Global) maklumat BNM jelaskan 1MDB Global didaftarkan pada 8/3/2013 di British Virgin Island (Co no:1763997) dan memiliki akaun di BSI SA di Lugano, Switzerland. 1MDB Global telah melanggar dalam 3 dana pelaburan iaitu Enterprise Emerging Markets Fund BV (EEM), Cistenique Investment Fund (CIF) dan Devonshire Funds Limited (DFL) pada mac 2013. EEM,CIF dan DFL pula melabur dalam surat janji hutang (promissory notes) yang dikeluarkan oleh Tanore Finance Corp, Granton Property Holding Limited, Midhurst Trading Limited dan Westfield Group Services Inc yang pemilik benefisial bagi 4 syarikat ini adalah Tan Kim Loong (A3). Seterunnya EEM,CIF dan DFL telah membuat bayaran kepada 4 syarikat tersebut termasuk pembayaran ke akaun Tanore Finance Corp di Falcon Private Bank pada bulan Mac 2013.

Selain daripada surat Arab Saudi untuk kemasukan tahun 2011 – 2013, terdapat surat lain bagi tahun 2014. A2 mengesahkan surat (D113) disediakan olehnya kepada B1. A2 sahkan surat ditandatangani oleh beliau bagi pihak Prince Saud dan ke semua wang sumbangan ini wang sumbangan ini adalah untuk B1 bagi tujuan membantu pembangunan Islam. Selain itu, ianya bersandarkan atas hubungan baik yang terbina antara B1 dan King Abdullah (HM).

Merujuk kepada surat tersebut, dinyatakan bahawa sejumlah wang GBP50,000,000.00 sebagai "Gift" kepada Malaysia melalui Dato Sri Mohd Najib Tun Hj Haji Abdul Razak. Tujuan sumbangan ini adalah bagi mengiktiraf Malaysia kerana sumbangan besar pembangunan dunia Islam. Surat adalah daripada Saud Abdul Aziz Al Saud.

A4 sahkan terima D113 daripada A1. A4 sahkan kemasukan wang yang merujuk kepada surat ini adalah melibatkan akaun lain iaitu salah satu daripada 3 akaun baru yang dibuka oleh B1 kerana akaun 9694 telah ditutup.

#### **PEMINDAHAN WANG SEMULA KEPADA TANORE FINANCE CORPORATION**

A2 – m/s 3, b.20 – b.26

Wang yang diterima dari Tanore telah dipulangkan semula kepada Tanore berjumlah USD620million atas arahan B1 berdasarkan surat bertarikh 30/7/2013 (D58) yang ditandatangani oleh B1 sendiri. A4 nyatakan surat tersebut telah diserahkan A1 kepada pihak pihak Ambank dan salinan kepada A12. Melalui surat ini, B1 jelaskan kepada bank bahawa B1 ingin memulangkan wang berjumlah USD620million yang diterima sebagai donation /personal gift kepada pengirim asal yang mana jumlah wang tersebut tidak digunakan. Melalui surat ini juga, B1 jelaskan beliau tidak ada apa-apa pinjaman dengan pihak bank. Pengeluaran wang dari Ringgit Malaysia (RM) kepada USD adalah dengan menggunakan Foreign Exchange Transaction dan setiap kali pertukaran wang dibuat A6 akan sahkan *buy sell rate* dan perlu mendapat pengesahan dan persetujuan daripada A1 untuk pertukaran wang.

A2 – m/s 2, b.29 – b.35

A3 – m/s 2, b.11 – b.20

B1 mengemukakan surat bertarikh 30/7/2013 mengesahkan bahawa B1 tidak ada apa-apa pinjaman

dengan bank atau pinjaman matawang ringgit atau bermiat untuk meminjam dengan bank dalam masa beberapa bulan. Maka, pertukaran matawang dan perindahan boleh dilaksanakan. Ini merujuk kepada arahan BNM. Merujuk perkara 2.1, Residents (bermaksud orang Malaysia termasuk akaun individu dan korporat) boleh menukar wang RM ke USD tanpa had sekiranya beliau tidak mempunyai sebarang pinjaman domestik (Ringgit). Maka perkara 2.1.2 – "Investment abroad" ini terpakai dalam bullets 2 and 3

- Residents are free to undertake investment abroad using foreign currency funds sourced from abroad
- Residents without domestic ringgit borrowing are free to invest abroad

A13 – m/s , b.12 – b.27  
D116 – Surat 1MDB bth  
18/09/15

D267 – Laporan risikan BNM

Jumlah pulangan semula adalah dalam jumlah yang besar maka penukaran wang dibuat secara berperingkat yang mana pertukaran pertama nilai ringgit yang ditukar ke nilai USD akan disimpan oleh pihak Ambank selepas tukaran ke dalam akaun USD Foreign Currency Account sehingga mencukupi USD620 juta sebelum membuat pindahan wang terus seperti diarahkan oleh B1. Pengeluaran tidak dibuat secara sekaligus atas sebab bank tidak mahu memberi kesan kepada nilai matawang di pasaran. Perkara ini juga untuk mengelakkan daripada mengganggu pasaran matawang dengan jumlah yang besar. Persetujuan mengenai jumlah-jumlah yang ditukarkan adalah melalui arahan A1 selepas mendapat pandangan pihak bank dan persetujuan bersama dibuat.

Bagi transaksi pemindahan wang tahun 2013, jumlah keseluruhan adalah USD620,000,000 dihantar semula ke Tanore secara berperingkat dari akaun semasa B1. Setiap transaksi pertukaran wang ini telah mendapat kebenaran A1 melalui surat beliau.

No	Rate	Amount (USD)	Amount (MYR)	Value Date	Contract No	Surat Pengesahan Nik Faisal
1	3.263	200,000,000	652,600,000	2.8.2013	MX2899125	31.07.2013
2	3.268	100,000,000	326,800,000	15.8.2013	MX2941751	13.08.2013
3	3.273	100,000,000	327,300,000	15.8.2013	MX2944149	13.08.2013
4	3.306	55,000,000	181,830,000	22.8.2013	MX2974049	20.08.2013
5	3.308	165,000,000	545,820,000	23.8.2013	MX2980261	21.08.2013
		<b>620,000,000</b>	<b>2,034,350,000</b>			

Berkaitan pemindahan wang diatas, B1 telah mengarahkan bank melalui surat bertarikh 21/8/2013 bahawa penempatan ke semua urusan penama dilakukan ke:

- 1) JP Morgan Chase Bank N.A Newyork, U.S.A. (SWIFT:CHASUS33)
- 2) Falcon Private Bank Limited zurich, Switzerland, Account No: 001-1-841897 (SWIFT: UEBECHZZ)
- 3) Falcon Private Bank Limited, Singapore Branch, Ac Name: Tanore Finance Corp. Ac No: 8550299001.

#### **PEMBAYARAN KAD KREDIT MELALUI "PAYMENT AUTO DEBIT"**

Bagi akaun semasa B1, terdapat 5 transaksi pembayaran auto debit daripada akaun 9694 seperti berikut:

CREDIT CARD NO : 4585818000005496

A11 – m/s 14 – m/s 28  
D46 – SWIFT bth 22/3/2013  
D47 – SWIFT bth 25/3/2013

1	27.09.2011	3,744.32	Bil Payment Auto debit	AIGNER, HUGO BOSS KLCC
2	27.09.2012	14,718.27	Bill Payment Auto Debit	ST REGIS BALI-HO
3	27.11.2012	75,894.80	Bill Payment Auto Debit	SHANGRILAHTL - BANGKOK
4	27.01.2013	131,527.95	Bill Payment Auto Debit	SHANGRILAHTL - BANGKOK
5	27-Jun-13	1,645.00	Payment Auto Debit	SHANGRILAHTL - BANGKOK
		<b>227,530.34</b>		

### PENGELUARAN/ PERBELANJAAN WANG BAGI TAHUN 2011

Bagi tahun 2011, transaksi pengeluaran/perbelanjaan wang yang dibuat bagi akaun B1 adalah berjumlah RM15,813,567.75. Pengurus Cawangan Ambank Raja Chulan ketika itu, Kamarulzaidi bin Ali (A8) mengesahkan merujuk kepada penyata Bank Ambank Cawangan Raja Chulan bagi tahun 2011 (D22) transaksi pengeluaran wang melalui cek dari akaun milik B1 adalah seperti di **LAMPIRAN 5.**

A8 mengesahkan penandatangan yang sah bagi cek pengeluaran ialah B1 seperimana di ruangan kanan bawah cek. A1 mengesahkan bahawa pernah dihubungi oleh Ambank untuk tujuan pengesahan pengeluaran cek melalui telefon.

### PENGELUARAN/PERBELANJAAN WANG BAGI TAHUN 2012

Bagi tahun 2012, transaksi pengeluaran yang dibuat adalah berjumlah RM160,364,439.15. Pengurus Cawangan Ambank Raja Chulan ketika itu, Mohd Zikhuan Bin Mohd Miyan (A9) mengesahkan merujuk kepada penyata Bank Ambank Cawangan Raja Chulan bagi tahun 2012 (D43) transaksi pengeluaran/perbelanjaan wang yang dibuat melalui cek dari akaun milik B1 adalah seperti A6 - m/s 12, b.1 - b.11 **LAMPIRAN 6.**

A9 mengesahkan penandatangan yang sah bagi cek ini ialah B1, seperimana di ruangan kanan bawah cek. A1 mengesahkan bahawa pernah dihubungi oleh Ambank untuk tujuan pengesahan pengeluaran cek melalui telefon.

### PENGELUARAN PERBELANJAAN WANG BAGI TAHUN 2013

Bagi tahun 2013, transaksi pengeluaran yang dibuat adalah berjumlah RM160,364,439.15. Pengurus Cawangan Ambank Raja Chulan ketika itu, A9 mengesahkan merujuk kepada penyata Bank Ambank Cawangan Raja Chulan bagi tahun 2013,(D107) transaksi pengeluaran wang melalui cek dari akaun milik B1 adalah seperti **LAMPIRAN 7.**

A9 dan Wong Jaan Woon (A10) mengesahkan penandatangan yang sah bagi cek ini ialah B1, seperimana di ruangan kanan bawah cek. A1 mengesahkan bahawa pernah dihubungi oleh Ambank untuk tujuan pengesahan pengeluaran cek melalui telefon. A1 - m/s 24,b13-b.34

### PENUTUPAN AKAUN 9694

Akaun milik B1 iaitu akaun 9694 telah ditutup pada 31/8/2013. Arahan penutupan akaun ini adalah dibuat oleh B1 melalui Surat bertajuk "Closure Of Accounts" bertarikh 20 June 2013 (D54) yang ditandatangani oleh B1. B1 mengarahkan untuk menutup kedua-dua akaunnya iaitu akaun bermombor 211-002-009048-1 dan 211-202-200969-4.

Arahan selanjutnya dikeluarkan oleh B1 melalui surat "CURRENT ACCOUNT NO 211-202-200969-4, SAVING ACCOUNT NO 211-002-009048-1 (Collectively the "Account")" BERTARIKH 26/08/2013(D90) untuk mengarahkan Ambank bagi penutupan akaun 11-002-200969-4, Saving Account No.211-002-009048-1 dan mengarahkan supaya mendebitkan ke semua jumlah baki di dalam akaun tersebut ke dalam akaun baru yang dibuka iaitu akaun AM-Private Banking - 1MY akaun nombor 2112022011880.

A4 - m/s 9, b.14 - b.32  
m/s 10, b.1 - b.7

D45 - Surat Arab Saudi bth.  
1/03/2013

Jumlah wang yang dipindahkan ke akaun ini (akaun 1880) adalah baki daripada jumlah selepas membuat pindahan semula ke Tanore Finance Corporation berjumlah RM620juta. Pindahan pertama berjumlah RM150,000,000 (D102) kemudian diikuti jumlah RM12,436,711.80(D104). Akaun 9694 ditutup selepas pemindahan baki ini dibuat sepenuhnya.

Sebelum penutupan akaun ini dibuat pada 31 Julai 2013, terdapat 3 akaun baru yang telah dibuka atas nama B1. Akaun tersebut adalah :

- i. 211-202-201188-0 - AMPriavle Banking – 1MY
- ii. 211-202-201189-8- Amprivate Banking – Y1MY
- iii. 211-202-201190-6 - AmPrivate Banking-MY

Menurut A4 , 3 dokumen pembukaan akaun semasa yang baru ini, dikemukakan oleh A1 yang mana borang tersebut telah dilengkapi dengan tandatangan B1. Nama-nama akaun dicadangkan oleh A1 yang mana A4 dimaklumkan oleh A1 akaun-akaun ini digunakan bagi tujuan berasingan, satu untuk dana politik, Yayasan dan lain-lain. A1 juga diberi mandat penurunan kuasa oleh B1 bagi

ketiga-tiga akaun baru ini. Pemberian kuasa ini adalah untuk pengesahan mana-mana transaksi cek yang melebihi amaun RM 250,000.00 dan juga diberikan kuasa untuk mengambil buku cek untuk akuan serta penyata bank berkaitan akaun ini. A1 mengesahkan telah menandatangani pada ruangan "Authorised Personnel Information".

#### **PEMINDAHAN WANG DARI AKAUN 9694 KE AKAUN 1880**

Terdapat 2 transaksi perpindahan wang ke dalam akaun 1880 ini. Berdasarkan penyata bank bulan Ogos 2013 , A1 sahkan terdapat transaksi kemasukan wang ke dalam akaun ini daripada akaun 9694. Pemindahan ini dibuat berdasarkan arahan B1 di dalam surat beliau.

TARIKH	DESCRIPTION	JUMLAH (RM)
27.08.2013	-	150,000,000.00
30.08.2013	-	12,436,711.87

Kemudian dari akaun 1880, transaksi pemindahan wang dibuat ke akaun 1906 dan 1898 milik B1 adalah seperti berikut:

TARIKH	DESCRIPTION	JUMLAH (RM)
27.08.2013	-	75,000,000.00
27.08.2013	-	25,000,000.00
23.01.2014	Debit Transfer to acc ..1898	20,000,000.00
23.01.2014	Debit Transfer to acc ..1906	20,000,000.00
17.03.2014	Debit Transfer to acc ..1898	10,000,000.00
26.03.2014	Debit Transfer to acc ..1898	10,000,000.00

A2 – m/s 3, b.14 – b.25

A2 – m/s 2, b.10 – b.24

Berdasarkan penyata bank akaun 211-202-201189-8, A1 mengesahkan terdapat transaksi kemasukan wang ke dalam akaun 1898 daripada akaun 1880 seperti di bawah:

TARIKH	DESCRIPTION	JUMLAH (RM)
27.08.2013	-	25,000,000.00
23.01.2014	Credit Transfer From ...1880	20,000,000.00
17.03.2014	Credit Transfer From ...1880	10,000,000.00
26.03.2014	Credit Transfer From ...1880	10,000,000.00

A2 – m/s 3, b.20 – b.26

A2 – m/s 2, b.29 – b.35

Berdasarkan penyata bank bagi akaun 211-202-201190-6, terdapat transaksi kemasukan wang ke dalam akaun ini seperti di bawah:

A3 – m/s 2, b.11 – b.20

TARIKH	DESCRIPTION	JUMLAH (RM)
27.08.2013	-	75,000,000.00
23.01.2014	Credit Transfer From ...1880	20,000,000.00

A1 mengesahkan arahan pemindahan wang ini adalah daripada beliau. Tujuan pemindahan wang adalah untuk penyelengaraan akaun bagi memastikan ada wang di dalam akaun-akaun tersebut.

A13 – m/s , b.12 – b.27  
D116 – Surat 1MDB bth  
18/09/15

#### **PERBELANJAAN TAHUN 2011 – 2013 MELALUI CEK**

Berkaitan dengan perbelanjaan melibatkan akaun 9694, 8 keterangan telah diambil daripada syarikat dan seorang individu bagi mengesahkan penerimaan cek pembayaran seperti berikut :

Bil	Nama Syarikat	Jumlah (RM)	Cek diterima daripada	Tujuan Pembayaran	Individu Yang Telah Dirakam pernyataan
1.	Cape Glory Sdn Bhd	5,150,000.00	Dato' Seri Ir. Mohd Zin Bin Mohamed pada 11.01.2013	Operasi Khas Pilihanraya ke 13 petugas - kos - Majlis kempen	Mokhti Bin Sidol (A15)
2.			Tan Sri Aziz Kasim selaku		

D267 – Laporan risikan BNM

D267 – Laporan risikan BNM

	Zeal Hi-Tech Solutions Sdn Bhd	13,500,000.00	Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) kepada YAB Perdana Menteri, pada 28.03. 2013 dan 01.04. 2013	Akaun digunakan sebagai transit untuk diserahkan kepada: 1) Orang yang tidak dikenali 2) Wan Hassan Bin Wan Zin	Azman Awaluddin (A16)	
3.	Virtual Palace Sdn Bhd	580,000.00	Dato' Poad Bin Jalani	Wang diserahkan kepada Ramlee Arshad bagi tujuan PRU 13.	Azlee Bin Abd Rahim (A17)	
4.	Transformasi Kreatif	5,710,500.00	Datuk Akmar Hisham Mokhles Setiausaha PM pada tahun 2011, 2012 dan 2013	Kerja-Kerja Pembekalan Buku Komik bertajuk "Transformasi Najib"	Mohd Desa Bin Omar (A18)	D267 – Laporan risikan BNM
5.	D'khairan	1,203,250.00	Dato' Poad Bin Jalani	Kerja – kerja 'Printing' semasa Pilihanraya ke 13 di Parlimen Pekan	Ramlee Bin Arshad(A20)	
6.	Qalif Umar Creatif	2,150,000.00	Mohd Desa Bin Omar ( Pengarah Syarikat Transformasi Kreatif )	Kerja-Kerja Pembekalan Buku bertajuk "Transformasi Najib"	Azin Binti Adil (A19)	
7.	Salehudin Saidin & Associates	325,188.00	Dato' Ghazi Ishak	bayaran Legal Fees & Disbursement berkaitan Taking Conduct for matter 44-264-09/2011 at Criminal High Court (3) Kuala Lumpur.	Dato' Salehuddin Bin Saidin (A21)	A2 – m/s 3, b.14 – b.25 D113 – Surat Arab Saudi bth 1/02/2014
8.	Sulaiman Bin Aris	1,000,000.00	PM sendiri pada 11.06.12	Pinjaman	Sulaiman Bin Aris (A22)	
9.	Fanisa Consultancy	671,500.00	Dato' Po'ad Bin Jelani	Kerja-Kerja Pembekalan jam tangan Eksklusif(victorinox 100 buah ) dan Pembuatan bag eksklusif bagi mesyuarat perwakilan Pekan	Razlan Bin Mohamed Mustafa (A23)	A4 – m/s 33, b.6 – b.20

A4 – m/s 24, b.10 – b.15  
D58 – Surat B1 bth 30/7/2013

D58 – Surat B1 bth 30/7/2013

D53 – Surat FEA 20/06/2013  
D70 – Rules Applicable  
Residents

A6 – m/s 15, b.1- b.25

D73 – Surat A1 bth  
31.03.2013  
D75 – Surat A1 bth 13/08  
D78 – Surat A1 bth 20/8  
D82 – Surat A1 bth 21/8  
D74 – SWIFT bth 2/8  
D76 – SWIFT bth 15/8  
D77 – SWIFT bth 15/8  
D79 – SWIFT bth 22/8  
D83 – SWIFT bth 23/8

D66 – Surat B1 bth  
21/08/2015

D22 – Penyata Bank 2011  
D43 – Penyata Bank 2012  
D107 – Penyata Bank 2013  
D112 – Penyata Bank Kad Kredit

A8

A8 – m/s 21 – m/s 55  
D23 – Cek pengeluaran 2011

A9

D44 – Cek pengeluaran 2012

A9 m/s 29 – m/s 101

A9

D108 – Cek pengeluaran 2013

A9 - m/s 101 - 159  
A9 - m/s 7 - m/s 11

D54 – Closure of Acc

D90 – Surat B1 bth 26/8

D102 – Slip Dep 27/8  
D104 – Slip pengeluaran 30/8

A4 – m/s 16, b.21 – b.32  
A4 – m/s 17, b. 1 – b.8  
D61 – Borang buka akaun  
1880  
D62 – Borang buka akaun  
1898  
D63 – Borang buka akaun  
1906

A4 – m/s 16, b.30- b.32  
A4 – m/s 17, b.4- b.8  
D67 – Surat B1 bth  
31.07.2013

A1 – m/s 37 – m/s 45

D111 – Penyata Akaun 1880  
D109 – Penyata Akaun 1898  
D110 – Penyata Akaun 1906

A1 – m/s 46 b.10

## 2. KESALAHAN, INTIPATI DAN ULASAN

2.1 Sebelum kupasan hasil siasatan dibuat, berikut ialah intipati dan fokus siasatan dalam beban pembuktian untuk membuktikan terdapat kesalahan dibawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 ke atas B1:

- i) *Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain –*
  - a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain;
  - ii) apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab
  - A) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa juga berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku ;

2.2 Berikut ialah fakta dan keterangan yang perlu diambil kira bagi pertimbangan dan kajian kes seperti berikut :

2.2.1 Berdasarkan siasatan di peringkat dalam negara (domestic), melalui dokumen SWIFT yang diperolehi daripada Ambank Berhad mengesahkan bahawa memang terdapat kemasukan ke dalam akaun Ambank 2112022009694 milik B1 oleh 4 pembayar dari Luar Negara iaitu:

- i) Prince Faisal & Saudi Arabian Monetary Agency(Ministry Of Riyadh) - RM612,729,440.329 (USD199,999,907)
- ii) Blackstone Asia Real Estate Partner Limited & Tanore Finance Corporation – RM2,604,866,705.96

Dalam keterangan lisan A2, beliau mengesahkan bahawa ianya adalah merupakan *donation* dan *gift* daripada pihak Kerajaan Arab Saudi bagi membantu pembangunan negara Islam di Malaysia. A2 juga tiada masalah untuk pembayaran tersebut dibuat terus ke akaun peribadi B1 kerana B1 telahpun merujuk perkara tersebut dengan Gabenor BNM. A2 juga secara jelas telah mengesahkan bahawa beliau telah melantik A3 mewakili Keluarga DiRaja Arab Saudi dalam urusan melibalkan transaksi *donation/gift* tersebut kepada B1. Ini kerana A3 sendiri adalah *Trusted Associate* dan 2 syarikat yang terlibat iaitu Blackstone Asia Real Estate Partners Limited dan Tanore Finance Corporation adalah merupakan syarikat milikan keluarga DiRaja Arab Saudi dan diuruskan oleh A3. A3 juga turut mengesahkan bahawa beliau telah dilantik oleh Keluarga Di Raja Arab Saudi untuk menguruskan pembayaran *donation/gift* kepada B1 melalui 2 syarikat tersebut. Namun A3 terikat dengan undang-udang Arab Saudi yang mana beliau tidak dibenarkan mendedahkan sebarang maklumat terperinci termasuklah dokumen kerana ianya melibalkan kepentingan Keluarga DiRaja Arab Saudi.

2.2.2 Namun begitu, tiada sebarang dokumen sokongan berserta dokumen transaksi bagi mengesahkan perkara tersebut kecuali 4 keping Surat Rasmi(D10, D18, D45 & D113) daripada Kerajaan Arab Saudi. Ianya hanyalah keterangan lisan semata-mata walhal transaksi yang merentas sempadan dan melibatkan amaun yang besar pastinya akan berekod dan berdokumen. Pihak Arab Saudi terlalu berahsia dan memberikan alasan tidak konkrit bahawa mereka tidak boleh mengesan dokumen sokongan tersebut. Bagi mengesahkan transaksi secara kukuh memerlukan dokumen sokongan terutamanya bagi membuktikan transaksi aliran wang tersebut.

2.2.3 Bagi keterangan yang menyatakan bahawa Blackstone Asia Real Estate Partners Limited dan Tanore Finance Corporation adalah merupakan syarikat milikan keluarga Di Raja Arab Saudi, ianya turut tidak disokong oleh apa-apa bukti berdokumen bagi menunjukkan kepentingan, simpanan dana dan

milikan keluarga DiRaja Arab Saudi.

- 2.2.4 Laporan Bank Negara Malaysia(BNM)(Rujuk D267) melalui maklumat risikan kewangan yang diterima daripada Singapura, menunjukkan bahawa terdapat 4 pembayaran oleh 1MDB Global Investment Limited(anak syarikat 1MDB) ke akaun Tanore Finance Corporation di Falcon Private Bank pada bulan Mac 2013. Walaubagaimanapun, dalam Laporan BNM tersebut tidak ditunjukkan sebarang dokumen kerana transaksi berlaku di luar Singapura. Ini bercanggah dengan keterangan yang berjaya dikumpul setakat ini. Maka perlunya siasatan yang menyeluruh bagi mencari fakta dan kebenaran adakah wang tersebut daripada 1MDB ataupun tidak.
- 2.2.5 Siasatan memerlukan pengesahan lanjut daripada institusi kewangan yang terlibat di Singapura bagi kedua-dua akaun syarikat iaitu di Falcon Private Bank Singapura. Ini perlu dalam mendapatkan fakta berhubung punca sebenar sumber kemasukan wang ke akaun B1. Siasatan buntu dalam mengesahkan punca wang masuk ini kerana transaksi tersebut dibuat di Luar Negara.
- 2.2.6 Walaubagaimanapun, 1MDB telah mengesahkan melalui A13 bahawa tiada sebarang pembiayaan maupun pelaburan dengan 4 pembayar (*sender*) yang telah memasukkan wang ke akaun B1. Namun begitu, 1MDB Global Investment Limited(anak syarikat 1MDB) adalah merupakan syarikat yang ditubuhkan di British Virgin Island dan buat masa ini, siasatan tidak menemui dokumen-dokumen syarikat dalam mengesahkan sebarang perkaitan dengan 4 pembayar(*sender*) tersebut.
- 2.3 Berdasarkan fakta-fakta dan keterangan diatas, maka boleh dibuat kesimpulan bahawa wang yang dimasukkan ke dalam akaun B1 oleh Prince Faisal dan Ministry Of Riyadh berjumlah **RM612,729,440.32** adalah merupakan donation/gift daripada Kerajaan Arab Saudi, namun ianya hanya bersandar kepada keterangan lisan dan tidak disokong oleh keterangan dokumentar. Manakala baki sebanyak **RM2,604,866,705.96** yang diterima daripada Blackstone Asia Real Estate Partner Limited & Tanore Finance Corporation memerlukan pengesahan lanjut daripada pihak Singapura dan insititusi kewangan Luar Negara berkaitan. Adalah tidak selamat untuk mengesahkan bahawa wang daripada Blackstone dan Tanore adalah sumbangan daripada Arab Saudi kerana ianya masih kabur dan kekurangan bukti berdokumen.

### **3. PEMBELAAN B1 SERTA ULASAN**

- 3.1 B1 menyatakan bahawa kemasukan wang ke dalam akaun-akaun beliau adalah datangnya daripada sumbangan derma Raja Abdullah dan bukannya berpunca daripada syarikat 1MDB atau dana awam (public fund).
- 3.2 B1 menyatakan bahawa derma daripada Raja Abdullah ini adalah sumbangan bagi pengiktirafan dalam pembangunan Negara Islam terutamanya di Malaysia tanpa apa-apa 'consideration' atau balasan.
- 3.3 Pembukaan akaun dan juga pemberian dua (2) kad kredit Ambank adalah atas pengetahuan Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia dan beliau sendiri tidak mempunyai bantahan terhadap pembukaan akaun tersebut untuk menerima derma daripada Raja Arab Saudi.

### **4. KELEMAHAN KES DAN ULASAN**

Transaksi kebanyakannya melibatkan institusi kewangan di Luar Negara. Maka terdapat kekangan dalam mendapatkan bantuan perkongsian maklumat dan dokumen daripada pihak luar. Ianya perlu dibuat secara *Government to Government* mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

### **5. SYOR**

Adalah tidak selamat untuk membuat suatu rumusan bahawa keseluruhan wang yang diterima oleh B1 adalah derma daripada Kerajaan Arab Saudi. Saya dengan rendah hati dan sekiranya dipersetujui oleh pihak Tuan Timbalan

Pendakwa Raya, mencadangkan agar siasatan diteruskan untuk mendapatkan bukti baru melibatkan dokumen-dokumen dan keterangan daripada Luar Negara terutamanya Singapura, Switzerland dan US yang mampu menyokong fakta-fakta yang diperlukan bagi kes ini.